**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
# 27 JULAI 2019 (ISNIN)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Sinar Harian** | |
| - 108 mati akibat Denggi | 2 |
| **The Sun** | |
| - Self – test kit for pre-cervical cancer screening | 4 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>29 JULAI 2019 (ISNIN) | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | 108 mati akibat demam denggi |
| Muka Surat | 2 |

# 108 mati akibat demam denggi

SH 29/7/19 ms 2

*Selangor kekal negeri catatkan kes demam denggi tertinggi*

RIDAUDDIN DAUD

KUALA LUMPUR



DR DZULKEFLY

Jumlah kes demam denggi di Malaysia bermula 1 Mei hingga 20 Julai tahun ini meningkat sebanyak 34,166 kes berbanding tempoh sama pada tahun lepas.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, sebanyak 72,356 kes denggi dilaporkan dalam tempoh tersebut pada tahun ini berbanding 38,190 kes dalam tempoh sama pada tahun 2018.

"Peningkatan kes sebanyak 89 peratus itu menyaksikan berlakunya pertambahan jumlah kematian apabila 108 kematian dilaporkan pada tahun ini berbanding 61 kematian pada tahun lepas iaitu peningkatan sebanyak 77 peratus.

"Semua pihak sama ada keluarga, masyarakat, agensi kerajaan dan bukan kerajaan, pihak swasta, media, institusi pengajian tinggi (IPT), sekolah, badan profesional, aktivis sosial, sektor pembinaan, selebriti mahupun institusi keagamaan mempunyai peranan menangani isu denggi.

"Usaha kolektif dan bersepadu oleh semua pihak dapat menjamin kejayaan pencegahan denggi secara berterusan.

"Kementerian mengucapkan terima kasih di atas komitmen bersepadu oleh semua pihak dalam usaha murni menangani penularan jangkitan penyakit demam denggi di negara ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Jelas beliau, Selangor masih merupakan negeri tertinggi dengan merekodkan 40,849 kes melibatkan 35 kematian berbanding 21,648 kes dengan 17 kematian tahun lalu.

Menurutnya, ia diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (8,794 kes, enam kematian) dan Johor (6,057 kes, 16 kematian) dan kes paling rendah adalah di Labuan dengan 24 kes sepanjang tempoh berkenaan.

"Justeru, kementerian akan menggandakan lagi peranan COMBI atau *Communication for Behavioural Impact* yang kini berjumlah 2,761 pasukan yang ditubuhkan seluruh Malaysia," katanya.

Dr Dzulkefly turut mengumumkan 'banteras denggi bermula dengan saya' adalah tema sambutan Hari Denggi ASEAN peringkat kebangsaan pada tahun ini.

Katanya, pemilihan tema itu bertepatan untuk membuktikan peranan setiap individu dan komuniti penting bagi aktiviti pencegahan wabak tersebut.

"Tema itu juga selari dengan hala tuju kementerian dalam pencegahan denggi yang menumpukan peranan individu dan komuniti pada aktiviti penghapusan tempat pembiakan aedes serta menjaga kebersihan persekitaran," katanya.

Menurutnya, sambutan Hari Denggi ASEAN Peringkat kebangsaan yang berlangsung di Perak semalam disambut sekali dengan Konvesyen COMBI dan Anugerah IPT Bebas Denggi Peringkat Kebangsaan.




**Lima negeri merekodkan kes demam denggi tertinggi**

SELANGOR
- Tahun 2018
21,648 kes (17 kematian)
- Tahun 2019
40,849 kes (35 kematian)

PULAU PINANG
- Tahun 2018
2,528 kes (3 kematian)
- Tahun 2019
3,216 kes (8 kematian)

WILAYAH PERSEKUTUAN/PUTRAJAYA
- Tahun 2018
3,488 kes (6 kematian)
- Tahun 2019
8,794 kes (6 kematian)

SABAH
- Tahun 2018
1,791 kes (15 kematian)
- Tahun 2019
2,944 kes (15 kematian)

JOHOR
- Tahun 2018
3,109 kes (7 kematian)
- Tahun 2019
6,057 kes (16 kematian)

**Program kerajaan membanteras demam denggi**

1. Melepaskan 27,000 'bala tentera' aedes yang disuntik bakteria wolbachia bagi menentang 'musuh' daripada kalangan spesiesnya sendiri
2. Membelanjakan sebanyak RM120,000 bagi membekalkan telur aedes berwolbachia di setiap lokaliti dalam usaha memperkukuhkan aktiviti kawalan denggi
3. Menubuhkan 2,761 pasukan COMBI di seluruh Malaysia yang dianggotai 30,958 sukarelawan dari kalangan komuniti dari seluruh negara
4. Penglibatan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam memupuk sikap melaksanakan aktiviti pencegahan denggi dalam kalangan pelajar

**JOM SOLAT**

ISNIN • 29 JULAI 2019 • 26 ZULKAEDAH 1440

*Rapatkan Saf, Teluskan Niat, Tulus Beribadah*

| | SUBUH | SYURUK | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| PERLIS | 5:52 | 7:13 | 1:28 | 4:49 | 7:39 | 8:53 |
| ALOR SETAR | 5:52 | 7:11 | 1:27 | 4:49 | 7:38 | 8:52 |
| PULAU PINANG | 5:54 | 7:13 | 1:27 | 4:49 | 7:37 | 8:51 |
| IPOH | 5:53 | 7:10 | 1:25 | 4:47 | 7:34 | 8:47 |
| KOTA BHARU | 5:49 | 7:06 | 1:20 | 4:41 | 7:31 | 8:40 |
| KUALA TERENGGANU | 5:42 | 7:03 | 1:16 | 4:38 | 7:26 | 8:39 |
| KUANTAN | 5:46 | 7:07 | 1:17 | 4:39 | 7:24 | 8:37 |
| KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA | 5:52 | 7:11 | 1:23 | 4:44 | 7:30 | 8:43 |
| SHAH ALAM | 5:52 | 7:11 | 1:23 | 4:44 | 7:30 | 8:43 |
| SEREMBAN | 5:51 | 7:12 | 1:21 | 4:43 | 7:27 | 8:40 |
| BANDAR MELAKA | 5:51 | 7:11 | 1:20 | 4:42 | 7:26 | 8:39 |
| JOHOR BAHRU | 5:46 | 7:06 | 1:14 | 4:36 | 7:19 | 8:32 |

## Negara rugi sehingga RM5 bilion

**HASIL NEGARA BOCOR DI PINTU SEMPADAN MALAYSIA**

SUNGAI PETANI - Kerajaan mengalami kerugian antara RM3 bilion hingga RM5 bilion setahun disebabkan kebocoran hasil di pintu masuk negara.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar berkata, kebocoran hasil itu antaranya oleh aktiviti penyeludupan sama ada kerana kecuaian atau kekurangan peralatan untuk memantau dan mengawal pintu sempadan.

"Kebocoran hasil telah lama berlaku. Kami memang ada data terutama dari segi kecuaian kita ataupun dari segi peralatan kita tidak mencukupi contohnya penyeludupan rokok dan minuman keras. Ia masih berlaku," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Perjumpaan Bersama Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan Negeri Kedah dan Perlis.

Ismail berkata, penggunaan teknologi baru memantau pintu sempadan perlu dipertingkatkan.

Katanya, pemantauan ke atas penjawat awam yang bertugas mengawal pintu masuk juga perlu dilakukan dari masa ke masa. - *Bernama*

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 29 JULAI 2019 (ISNIN)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Sun |
| Tajuk Berita | Self – test kit for pre-cervical cancer screening |
| Muka Surat | 4 |

# Self-test kit for pre-cervical cancer screening

The Sun 29/7/19 MSY

BY **CINDI LOO**
*newsdesk@thesundaily.com*

**KUALA LUMPUR:** The government is stepping up efforts to have more women go for pre-cervical cancer screening using the simple self-sampling kit.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail said: "Previously, we could only detect cervical cancer through the pap smear test that requires women to undress, which may be embarrassing for some, but now all it takes is to have vaginal swabs - taken with the self-sampling kit - sent to labs to get results," she said at the launch of the Etiqa free cervical screening programme at SMK Pandan Mewah yesterday.

She said the government is stepping up efforts to have more women take pre-cervical cancer screening tests to prevent late detection of cervical cancer.

She said cervical cancer is the third most common cancer in women after breast cancer and colorectal cancer and should be taken seriously.

Wan Azizah said she is also heartened that private companies like Etiqa are working with ROSE (Removing Obstacles to Cervical Screening) to offer innovative solutions to detecting human papilloma (HPV) virus. "We hope more companies will come forward with such initiatives to benefit more women," she said.

Through this free cervical screening programme, 6,000 women from the B40 group nationwide are given the kits. All they have to do is to take a vaginal swab privately, and have it sent to the lab. They will know the results in two weeks.

Wan Azizah said the government, through the National Population and Family Development Board, is also offering HPV DNA tests for women. Participants can get their results within a month.

"The government is setting aside RM7 million for this purpose," she said.

She said 14,875 women have taken the HPV DNA test from January to July at the board's Klinik Nur Sejahtera.